

Umat Islam digesa manfaat bulan Ramadan

HULU TERENGGANU 10 Okt - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa umat Islam memanfaatkan sepenuhnya bulan Ramadan ini sebagai masa untuk bermuhasabah dan menilai kelemahan serta kekuatan diri.

Ketika berucap di hadapan lebih 5,000 hadirin sebelum berbuka puasa di Masjid As-Syakirin, Kuala Ping di sini malam ini, Perdana Menteri juga mahu mereka memperbaiki sebarang kelemahan dan kekurangan diri.

Menurut beliau, umat Islam perlu banyak mempersoal dan mengingati diri sendiri mengenai apa yang patutnya dilakukan untuk masa kini dan masa depan.

"Pada bulan Ramadan kita patut juga mengingati diri dan tanya apa kelemahan kita. Apakah kurang ibadah, yang belum elok atau kerana kerjasama antara kita belum erat atau betul.

"Kita perlu bertanya kenapa ada kekurangan perpaduan untuk bersama-sama memajukan negara dan Islam," tegas Abdullah.

Turut hadir pada majlis tersebut

Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa dan beberapa menteri Kabinet.

Antara menteri Kabinet yang hadir adalah Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin.

Perdana Menteri berkata, banyak perkara perlu diperbetulkan lagi untuk menegakkan syiar Islam supaya yang baik dapat diketengahkan bagi memberi kejayaan lebih besar kepada umat Islam.

"Semua ini sepatutnya dilakukan dengan ikhlas dan mengetepikan yang buruk dan mengetengahkan yang baik agar dapat dijadikan pegangan," katanya.

Beliau turut gembira dengan kehadiran begitu ramai hadirin pada maj-

lis itu sekali gus menunjukkan persaudaraan dan kesepakatan antara penduduk.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap perpaduan dan kesepakatan itu dapat dikekalkan demi kemajuan umat Islam.

Selepas berbuka puasa, Abdullah mengimamkan solat Maghrib kemudian menyertai solat Isyak dan tarawih.

Sementara itu, Perdana Menteri ketika berucap merasmikan masjid As-Syakirin bernilai lebih RM2 juta selepas solat tarawih berkata, umat Islam di negara ini bertuah kerana keamanan dan kestabilan politik membolehkan kerajaan membangunkan negara.

Di sesetengah negara luar, kata beliau, kekacauan dan peperangan yang berlaku mengakibatkan banyak masjid menjadi sasaran sama ada musnah oleh bom atau dirosakkan.

Abdullah turut mengingatkan umat Islam supaya sentiasa mengimarahkan masjid dan menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan.